



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 21 JULAI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	SIDANG VIDEO SAKSI KORBAN, LOKAL, HM-10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	MODEL TERNAKAN KERANG PERTAMA DUNIA HASIL BENIH SEPANJANG TAHUN, GAYA TANI, UM-20 & 21	JABATAN PERIKAN MALAYSIA (DOF)
3.	PRICES OF GREENS DOWN SINCE LIFTING OF EMCO ON CAMERON HIGHLANDS, VIEWS, THE STAR-12	LAIN – LAIN
4.	JETI BERNILAI RM 500, 000 RUNTUH, NEGARA, KOSMO-14	
5.	1.8 TAN IKAN TAK DAPAT DIJUAL, DALAM NEGERI, UM-13	
6.	BUAT IKAN KERING, SEDEKAH ATAU BUANG, DALAM NEGERI, UM-13	
7.		

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21.07.2021	HARIAN METRO	LOCAL	10

# Sidang video saksi korban

77 peserta ikuti proses penyembelihan di rumah

Oleh Nazri Abu Bakar  
am@hmetro.com.my

Melaka

Seramai 77 peserta ibadat korban anjuran Surau Ar Raudah, Taman Paya Rumput Perdana di sini, menyaksikan pelaksanaan ibadat itu melalui sidang video, semalam.

Pengerusi surau, Mohd Nasir Bakri, 52, berkata, ia

berkutan peserta tidak dibenarkan hadir untuk menyaksikan pelaksanaan ibadat berkenaan.

"Sepanjang sidang video berkenaan, kami turut menyebut nama peserta ketika haiwan korban masing-masing disembelih.

"Seramai 25 petugas kemudiannya melapah 11 lembu dan tujuh kambing korban berkenaan sebelum diagihkan," katanya.

Menurut beliau, sidang video pelaksanaan ibadat korban itu julung kali diadakan.

Bagi ahli jawatankuasa program, Roslan Yahya, pihaknya gembira kerana peserta dapat mengikuti proses penyembelihan dengan selesa di rumah.

"Program ini berjalan dengan lancar selain mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) yang dite-



PETUGAS melakukan kerja melapah daging korban mengikut SOP sempena Aidiladha di Surau Ar Raudah, Taman Paya Rumput Perdana. - Gambar NSTP/NAZRI ABU BAKAR

apkan," katanya.

Sementara itu, peserta korban, Safizal Mat, 30, berkata, dia gembira kerana pe-

ngurusan surau mengadakan sidang video berkenaan.

"Alhamdulillah, semua-

nya berjalan lancar dan saya berdo'a semoga pandemik ini segera berakhir," katanya.

## Menghayati erti pengorbanan



SERAMAI 300 masyarakat di Arau hadir memunahkan solat sunat Aidiladha bersama Raja Perlis, Tuanku Syed Strajuddin Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faltzu'din Putra Jamalullail di pekarangan Istana Arau, Perlis, semalam. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIFF



PEKERJA sidang lembu, Kamputaruzaman Mohd Razali, 32, meninjau sebahagian lembu di tempah sempena Aidiladha di Kampung Sena Dalam, Padang Besar. Tempahan lembu menurun bertukaran penularan Covid-19 yang belum menampakkan tanda surut serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ibadah korban perlu dijalankan dalam skala kecil serta perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPMS). - Gambar NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR



SUKARELAWAN, Hamid Harun, 44, (dfr) menimbang daging lembu sebelum disedekahkan kepada mereka memeritukan ketika melakukan aktiviti ibadah korban sempena Aidiladha pada tinggatan Program Korban Aidiladha Masjid Al-Tauwa di Kampung Batu 6, Kuala Terengganu, semalam.



PROGRAM Ibadah Korban anjuran Universiti Sains Malaysia (USM), Georgetown di pekarangan Masjid Al-Malik Khalid USM, semalam. Tahun ini program tahunan itu dilaksanakan empat sesi selama empat hari bermula semalam untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan menetapkan had lima lembu dan lima kambing sehat.



21 JUL, 2021

## Model ternakan kerang pertama dunia hasil benih sepanjang tahun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 4

# Model ternakan kerang pertama dunia hasil benih sepanjang tahun

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@mediamulla.com.my

**K**ERANG adalah salah satu makanan laut bercengkerang yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Ia juga boleh digunakan dalam pelbagai jenis masakan serta mempunyai penggemarnya yang tersendiri.

Bagaimanapun, kini makanan laut itu seolah-olah menjadi makanan buat golongan 'bangsawan' ekoran harga yang melambung tinggi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga kerang sudah melambung sehingga RM20 sekilogram berbanding harga pada lebih 10 tahun lalu yang hanya dijual sekitar RM6 sekilogram sahaja.

Kerang di negara ini juga hanya boleh didapati lokasi tertentu iaitu di sekitar kawasan pantai berlumpur di Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Johor.

Spesies kerang juga akan membiak pada musim-musim tertentu sahaja mengakibatkan harga kerang melambung jika permintaan kerang berada di luar musim membiak.

Malah, sejak tahun 2010, sumber benih kerang semulajadi di perairan Pulau

Pinang, Perak, Selangor dan Johor yang merupakan pengeluar utama kerang negara juga didapati merosot.

Perkara ini menyebabkan berlaku penurunan pendaratan kerang malah di beberapa lokasi pembenihan semula jadi sedia ada turut menunjukkan trend fenomena kekurangan benih secara semula jadi.

Bagi mengelakkan benih kerang terus berkurangan di perairan negara ini, Jabatan Perikanan Malaysia menerusi Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) telah menjalankan kajian untuk meningkatkan populasi benih kerang negara.

Menurut Pengarah Kanan Penyelidikan FRI Batu Maung, Dr. Zainoddin Jamari, FRI Batu Maung berjaya menemui satu mekanisme ternakan kerang mapan dan lestari di Teluk Lekir, Perak.

"Ini kerana dapatan kajian kami mencadangkan terdapatnya lokasi pembenihan aruhan, ternakan kerang dan kehadiran benih di lokasi yang sama iaitu di Teluk Lekir.

"Malah model ini sedang dan akan dijalankan di Johor, Selangor dan Pulau Pinang," katanya ketika ditemui di FRI Batu Maung, Pulau Pinang



21 JUL, 2021

## Model ternakan kerang pertama dunia hasil benih sepanjang tahun

Utusan Malaysia, Malaysia


baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kajian oseanografi pantai telah dilaksanakan sejak 2007 hingga 2017 di beberapa lokasi perairan di Malaysia yang mempunyai taburan benih kerang semula jadi.

Katanya, kajian yang sama telah dijalankan pada 2010 di mana pihak FRI telah menemui faktor penggalak atau rangsangan pembenihan aruhan kerang di Teluk Lekir, Perak.

Beliau menjelaskan, faktor penggalak pembenihan aruhan kerang di Teluk Lekir membawa kepada penemuan model Cadangan Musim Pembenihan Aruhan (SISS), Cadangan Tapak Pembenihan Aruhan (SISG), dan Cadangan Tapak Kejatuhan Benih (SSFA).

"Dapatan kajian ini mendapati keadaan yang sesuai untuk ternakan kerang adalah membabitkan julat suhu air laut antara 29.5 hingga 30.5 darjah Celsius dan salinitasi sekitar 27 ppt-32 ppt.



DR. Zainuddin Jamari menunjukkan kerang yang dihasilkan di Teluk Lekir, Perak, hasil daripada penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Batu Masung, Pulau Pinang. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

"Kajian FRI juga mendapati pendedahan kerang kepada suhu 32 darjah celsius melebihi tujuh jam akan menyebabkan kematian kerang.

"Penemuan SISS, SISG dan SSFA hasil kajian tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Perikanan sebagai salah satu mekanisme cadangan pengurusan kerang yang boleh dikembangkan ke perairan negeri lain untuk meningkatkan populasi kerang negara.

"Malah penemuan ini juga adalah yang pertama di dunia khusus untuk kerang," katanya..

Zainuddin berkata, sebelum kajian itu dijalankan, fenomena kehadiran benih kerang di Pantai Teluk Lekir adalah berdasarkan kepada keadaan semula jadi sahaja.

Katanya, menerusi projek pembenihan aruhan kerang di perairan Lekir, Manjung, Perak yang dilaksanakan pada Oktober 2018 telah membuahkan hasil seperti

yang dijangkakan. Malah kehadiran benih kerang juga tidak putus-putus sepanjang tahun sehingga hari ini.

Jelasnya, dengan mengambil faktor kawasan semulajadi yang tidak tercemar, suhu, pemakanan dan arus di Teluk Lekir, tempoh tumbesaran kerang mengambil masa sehingga empat bulan sahaja bagi mencapai saiz dewasa 25 millimeter (mm) berbanding enam sehingga lapan bulan seperti kebiasaannya

"Sebanyak 23.89 metrik tan benih kerang telah didaratkan pada 2019 dengan anggaran nilai sebanyak RM3.2 juta, manakala bagi tahun 2020 pula 1,200 metrik tan kerang didaratkan dengan nilai RM10.69 juta.

"Pada Januari hingga Mac tahun ini pula sebanyak 335.6 metrik tan kerang dengan anggaran nilai kerang sekitar RM8.4 juta," katanya.

Zainuddin berkata, jika model yang sama dilaksanakan negeri-negeri



BENIH berang dari kawasan model ternakan kerang, Teluk Lekir boleh didapati sepanjang tahun. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

21 JUL, 2021

## Model ternakan kerang pertama dunia hasil benih sepanjang tahun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 3 of 4



**KAKITANGAN** Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) perlu menjalankan pemeriksaan untuk menentukan bilangan induk jantan dan induk betina serta tahap kematangan induk kerang yang ditabur di Teluk Lekir, Perak. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

lain seperti Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan sasaran penghasilan benih sehingga 150,000 metrik tan bernilai RM1.8 bilion dapat dicapai menjelang 2025.

Menurutnya, model ternakan kerang di perairan Lekir itu juga membantu menambah pendapatan nelayan di mana seramai 160 peserta terlibat dengan

cadangan 20 lot ternakan di kawasan sekitar 420 hektar di perairan Sungai Limau di Utara sehingga Kayan di Selatan Perak.

"Peserta Projek Kebun Kerang Lekir ini hanya perlu mengutip benih kerang dari pantai Teluk Lekir dan mereka boleh memperoleh lesen daripada Pejabat Perikanan Manjung dengan kadar RM50.

"Sebahagian hasil kutipan kerang ini



**Spesies kerang juga akan membiak pada musim-musim tertentu sahaja mengakibatkan harga kerang melambung jika permintaan kerang berada di luar musim membiak."**

mereka akan jual bagi menampung sara hidup dan sebahagiannya pula ditaburkan ke dalam lot-lot kebun kerang mereka bagi tujuan ternakan," katanya.

Ujarnya, kajian biomas mencadangkan anggaran pendaratan kerang dewasa dari projek Kebun Kerang Lekir ini sekitar 1,000 metrik tan dengan anggaran nilai komoditi sekitar RM8 juta.

"Selain itu, anggaran nilai dan pendaratan benih dari lokasi yang sama pada tahun ini dijangka sekitar RM15 juta hingga RM18 juta," katanya.

**NELAYAN** pantai merupakan golongan yang menerima manfaat selepas kejayaan Model ternakan kerang lestari Teluk Lekir. - UTUSAN/SAFINA RAMLI





21 JUL, 2021

## Model ternakan kerang pertama dunia hasil benih sepanjang tahun

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 4 of 4

### SUMMARIES

Oleh SAFINA RAMLI utusannews@mediamulia.com.my KERANG adalah salah satu makanan laut bercengkerang yang menjang kegemaran rakyat Malaysia. Ia juga boleh digunakan dalam pelbagai jenis masakan serta mempunyai penggemarnya yang tersendiri. Bagaimanapun, kini makanan laut itu seolah-olah menjadi makanan buat golongan 'bangsawan' ekoran harga yang melambung tinggi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga kerang sudah melambung sehingga RM20 sekilogram berbanding harga pada lebih 10 tahun lalu yang hanya dijual sekitar RM6 sekilogram sahaja.

## Prices of greens down since lifting of EMCO in Cameron Highlands

VEGETABLE prices nationwide have fallen after the enhanced MCO was lifted in Tringkap, Cameron Highlands, on July 11, leading to a surge in availability, *Sin Chew Daily* reported.

According to Chen Jia Lun, a vegetable wholesaler from Tringkap, celery that was once sold at RM9 per kilogramme now sells for between RM2 and RM6.

The price of white radishes had also fallen from RM3.50 to just between RM1 and RM2, he added.

Chen explained that farmers attempted to offload most of their stored-up vegetables immediately after the enhanced MCO was lifted.

He estimated that at least 40% of the vegetables and fruits stored up during the period had been thrown away, especially the more perishable varieties.

He added that he expected prices to return to pre-enhanced MCO levels after two weeks, which is the time farmers will take to harvest

the next round of crops.

> The daily also reported that educationist group United Chinese School Committees' Association (Dong Zong) urged the government to vaccinate students who are taking major examinations this year, as well as teachers, before being allowed to go back to school.

Speaking in response to the Education Ministry's plan to reopen schools in September, Dong Zong president Tan Tai Kim urged the government to reassess the risk

when the time comes.

"We hope that all candidates (of major exams) as well as their teachers can receive both doses of the vaccine before classes resume in September."

"It has to be done latest by August to put everyone's mind at ease," he said.

The government announced in June that students sitting for their Sijil Pelajaran Malaysia and Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia will be inoculated.

> A Chinese influencer, whose story of her having to cart 2,000 bags of cement a day to make a living had propelled her to fame, was found to have concocted the whole thing, reported *China Press*.

Zhang Fang Fang, 27, better known as the Cement Girl, was recently found to be the owner of a Lamborghini sports car.

Her apparent wealth has led to criticism online for having misled the Internet about her background for the past four years.



**HERMAN** menurunkan jeti yang runtuh di Pengkalan Nelayan Sungai Dinar, Serkat, Pontian baru-baru ini.

## Jeti bernilai RM500,000 runtuh

**PONTIAN** - Seramai 23 nelayan bagaikan 'patah kaki' apabila jeti yang dibina di Pengkalan Nelayan Sungai Dinar, Serkat di sini runtuh sehingga menyukarkan mereka membawa hasil laut ke darat.

Jeti sepanjang kira-kira 400 meter yang dibina dengan kos hampir RM500,000 pada 2010 lalu itu perlu diganti bagi memudahkan nelayan turun ke laut.

Ketua Pakatan Nelayan Jeti Sungai Dinar, Herman Md. Amin, 48, berkata, Jeti Nelayan Sungai Dinar berhampiran kawasan Perindustrian Taqjung Bit yang se-

tiang runtuh tidak meributkan.

"Permohonan untuk membina semula jeti itu telah dibuat, namun sehingga kini belum ada yang 'sudi' kerana kos pembinaan semula dikatakan lebih tinggi.

"Ada penduduk yang masih bergantrung kepada hasil tangkapan laut sebagai sumber pendapatan utama walaupun pendapatanannya semakin berkurangan dari sehari ke sehari," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Tambah Herman, mereka berharap ada pihak yang simpati dan mahu membelanja para nelayan supaya dapat turun ke

laut dengan selamat.

Bagi Mohd. Zahari Mohd. Ali, 37, dia juga berharap jeti tersebut dapat dibina dengan lebih kukuh demi keselamatan nelayan.

Katanya, kemudahan itu akan memudahkan nelayan untuk membawa hasil tangkapan naik ke darat pada bila-bila masa sahaja.

Jelasnya, jarak di antara jeti itu ke Kuala Sungai kira-kira tiga kilometer dan nelayan hanya dapat keluar semasa air pasang.

"Pembinaan jeti akan memudahkan pergerakan kami nanti," ujarnya.



# 1.8 tan ikan tak dapat dijual

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL  
athir.ismail@mediamalaysia.com.my

**SHAH ALAM:** Dianggarkan 1.8 tan metrik ikan tidak terjual di Kuala Selangor sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Kuala Lumpur akibat ketiadaan pelanggan dari luar daerah.

Antara ikan yang dilaporkan sukar dijual seperti kembung walaupun dijual pada harga murah sehingga RM10 sekilogram, cencaru (RM8), mayong (RM15), gelama (RM7 hingga RM9), namun, tawaran itu didakwa tidak dapat menghabiskan stok bekalan.

Difahamkan, kerugian berlaku apabila jualan harian nelayan merudum melebihi 50 peratus yang kemudian menjejaskan pendapatan mingguan daripada sekitar RM3,500 kepada hanya RM1,100.

Malah, penurunan jualan ikan di sana didakwa berlaku sejak wabak pandemik melanda negara menyebabkan sebahagian besar pelanggan tetap di sana tidak lagi datang mendapatkan bekalan.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abdul Rahman yang memberitahu, nelayan di pedalaman Selangor khususnya sepanjang persisiran pantai dari Sungai Besar ke Kuala Selangor, sengsara dengan hasil tangkapan tidak laku dalam tempoh



SEORANG peniaga menunjukkan baki ikan merah dan kerapu pada harga RM30 hingga RM40 sekilogram di gerainya yang masih belum terjual walaupun menghampiri waktu penutupan operasi.

PKPD.

"Sekatan daerah menyebabkan hasil jualan merudum dan pengunjung yang sebelum ini datang dari luar daerah seperti Gombak dan Kuala Lumpur tidak boleh datang ke jeti untuk mendapatkan bekalan daripada nelayan di sini.

"Malah, ada peraih berhadapan dengan masalah jualan yang merudum daripada peniaga di pasar menyebabkan sebahagian

mereka tidak membeli bekalan ikan daripada nelayan di sini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, situasi berbeza dihadapi nelayan dalam kawasan Pelabuhan Klang seperti di Jeti Tok Muda, Kapar apabila ketuanya, Mohd. Hakim Ngaini, 47, memberitahu situasi dihadapi di Kuala Selangor tidak terjadi di sana.

Beliau berkata, permintaan

terhadap bekalan ikan sama ada secara terus daripada pelanggan ataupun peraih termasuklah di pasar awam masih lagi tinggi dan mungkin dipengaruhi kepadatan penduduk berbanding Kuala Selangor.

"Di Pelabuhan Klang, selain jeti di sini serta di Pulau Ketam, masih belum dengar lagi masalah ikan tidak terjual dalam jumlah yang besar, walaupun berlaku perbezaan dalam jualan

ketika wabak pandemik berbanding sebelum ini, namun itu tidak merisaukan.

"Saya yakin setiap tempat berbeza permintaannya, seperti di Kuala Selangor penduduknya tak ramai dan mereka bergantung kepada jualan terhadap pelanggan atau peraih dari daerah lain. Malah, pasar dan jeti nelayan di sana pun banyak menerima pelanggan dari Kuala Lumpur," ujarnya.

## Buat ikan kering, sedekah atau buang

**KUALA SELANGOR:** Buat ikan kering atau sedekah kepada jiran dan keluarga yang memerlukan antara jalan penyelesaian lain dipilih nelayan di Jeti Sungai Yu, di sini sebelum akhirnya mereka terpaksa membuang ikan yang membusuk kerana tidak dapat dijual.

Langkah itu dibuat nelayan di kawasan tersebut selepas mereka turut menjual ikan secara dalam talian termasuk menghantar kepada peniaga di luar daerah seperti di Selangor dan Gombak sekiranya menerima pesanan secara pukal.

Seorang nelayan dan peniaga di Pasar Nelayan Sungai Yu, Yasin Mohammed, 59, memberitahu, mereka terpaksa membuat ikan kering atau menjual secara dalam talian untuk memastikan dapat menampung kos sehingga RM150 setiap kali turun ke laut

bagi menangkap ikan.

Katanya, jualan sejak akhir-akhir ini memang menjunam sehingga melebihi 50 peratus berbanding sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pandemik Covid-19, malah, penurunan nampak ketara ketika PKP Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan.

"Malah, seorang kawan saya nelayan di sini juga pernah mengadu terpaksa membuang 300 kilogram ikan yang membusuk sebab tidak dapat dijual. Hal ini menyebabkan kami terpaksa menanggung rugi teruk dengan pendapatan yang mampu diraih cuma kira-kira RM1,100 dalam seminggu.

"Itu belum kira kos-kos lain lagi seperti upah pekerja, biasanya dibahagi dua sama rata. Selain itu, pembelian air batu setiap hari bagi menyimpan ikan



YASIR Mohammed menunjukkan ikan kering di gerainya yang terletak di Pasar Nelayan Sungai Yu, Kuala Selangor, semalam.

pun mencecah antara RM800 hingga RM1,000 sebulan.

"Ikan pula tak tahan lama,

simpan dua atau tiga hari sahaja, terlalu lama nanti akan busuk. Sebelum busuk itulah

boleh dibuat ikan kering, kalau ada yang memerlukan ketika keadaan susah sekarang, kita akan sedekah. Kalau sudah busuk terpaksa dibuang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, seorang lagi nelayan dan peniaga di tempat sama, Rasidi Tumin, 49, memaklumkan, ikan masih boleh didapati, cuma, halangnya ketika ini adalah keadaan cuaca seperti hujan dan laut bergelora, namun, masalah timbul sekarang bekalan yang sukar dijual.

"Tiga hari sekali pergi, kadang-kadang seminggu sekali pergi. Terpaksa diatur sedemikian sebab taknak berlaku lambakan ikan dekat pasar. Dahulu, kalau air pasang besar adalah sesuatu yang mengembaraikan nelayan sebab boleh dapat banyak ikan, sekarang tidak," ujarnya.